

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5 / 12 / 2009

# Pemutihan senarai ahli UMNO diperkenal

KUALA LUMPUR 4 Dis. – Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan satu kaedah pemutihan ahli parti akan diperkenalkan supaya senarai ahli yang ada di setiap bahagian adalah mengikut daftar yang terkini.

Beliau berkata, ini perlu dilakukan disebabkan mengikut pindaan perlembagaan parti yang dilakukan baru-baru ini, tidak akan ada lagi ku-

tipan yuran tahunan ahli.

“Oleh itu adalah penting untuk memastikan kesahihan senarai ahli UMNO dengan pihak ibu pejabat akan berhubung dengan semua bahagian untuk menerangkan kaedah pemutihan itu.

“Selain itu Pendaftar Pertubuhan telah luluskan pindaan Perlembagaan UMNO yang dilakukan baru-baru ini dan berkuat kuasa 10 November

UM-5/12/09

lalu,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Hadir sama, Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sementara itu, Najib turut mengumumkan yang mesyuarat MT

malam ini meluluskan program UMNO untuk tahun depan yang bertemakan ‘UMNO Juara Rakyat’.

Menurutnya, walaupun demikian, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di peringkat bahagian akan diajak bersama bagi menjayakan program ini.

“Program-program ini meliputi pelbagai jenis aktiviti antaranya pen-

didikan, keagamaan, kerohanian, usahawanan, perekonomian, bidang sosial dan berkaitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Di samping itu pelbagai jenis lagi program yang telah pun kita tentukan yang mana garis panduannya diluluskan MT. Program ini akan kita jalankan mulai Januari tahun depan dan merupakan program berterusan,” jelasnya.